



**SIARAN AKHBAR
UNTUK SIARAN SEGERA
9 SEPTEMBER 2014**

PUTRAJAYA PERDANA BERI LAPAN BIASISWA UNTUK TAHUN 2014

PUTRAJAYA, Selasa (9 SEPTEMBER 2014): Putrajaya Perdana Berhad (PPB) hari ini menganugerahkan Biasiswa Putrajaya Perdana Berhad kepada lapan orang pelajar institut pengajian tinggi tempatan. Majlis penyampaian tersebut telah diadakan di ibu pejabat Putrajaya Perdana Berhad di Precinct 16, Putrajaya. Tahun ini merupakan tahun kelapan program Biasiswa Putrajaya Perdana ini.

Anugerah Biasiswa Putrajaya Perdana Berhad ini merupakan inisiatif Tanggungjawab Korporat bagi menyediakan peluang pembelajaran kepada pelajar universiti yang layak.

“Kita sedia maklum pentingnya pendidikan untuk generasi akan datang. Program ini dijalankan untuk membantu para pelajar yang layak serta memerlukan bantuan kewangan bagi menyambung pelajaran ke universiti. Para pelajar ini juga akan diberikan tawaran pekerjaan di syarikat kami setelah tamat pendidikan. Ini akan memberikan peluang kerjaya yang cerah kepada mereka”, kata YBhg. Dato’ Rosman Abdullah, Pengerusi Eksekutif PPB.

Penerima anugerah biasiswa PPB 2014 adalah;

1. Vivien Necen A/L Vinsan dari Pulau Pinang (Ijazah Kejuruteraan Awam)
2. Sim Siew Joo dari Sarawak (Ijazah Kejuruteraan Awam)
3. Shanmugam A/L Subramaniam dari Selangor (Ijazah Kejuruteraan Awam)
4. Sasithira A/P Sathia Nanthan dari Johor (Ijazah Kejuruteraan Awam)
5. Nurshazira Abd Latif dari Kelantan (Ijazah Ukur Bahan)
6. Nurain Fakhira Mohd Nafi dari Terengganu (Ijazah Kejuruteraan Awam)
7. Manmit Singh dari Sarawak (Ijazah Kejuruteraan Mekanikal)
8. Mohammad Dzulhaizat Mohamad Zawahir dari Negeri Sembilan (Ijazah Kejuruteraan Awam)

Program biasiswa PPB diperkenalkan pada tahun 2006 dan sehingga kini, melibatkan lebih kurang 80 orang mahasiswa. Mereka yang terpilih merupakan mahasiswa daripada universiti tempatan yang melanjutkan pelajaran di dalam bidang Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Mekanikal, Ukur Bahan, dan Pengurusan Bangunan/Pembinaan. Turut diambil kira adalah latar belakang kewangan dan akademik serta keutamaan diberikan kepada pelajar cemerlang yang kurang berkemampuan.

END
